

ISLĀMIYYĀT 38(1) 2016: 3 - 13

<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-01>

Pendekatan Baharu al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghadamsi dan al-Imam Muhammad ‘Abduh dalam Memajukan Masyarakat Islam

The New Approach of al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghadamsi and al-Imam Muhammad ‘Abduh in Developing the Muslim Society

ADNAN MOHAMED YUSOFF
NOOR LIZZA MOHAMED SAID
AMIRUDDIN MOHD SOBALI

ABSTRAK

Al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghadamsi ialah seorang daripada tokoh yang banyak berjasa dalam sejarah kebangkitan masyarakat Islam di Tanah Melayu. Kehadiran beliau ke Tanah Melayu ialah atas permintaan tokoh-tokoh dan para aktivis Islam tempatan membawa misi untuk memajukan masyarakat Islam rantau ini dan mengeluarkan mereka daripada belenggu kejahilan, kemunduran dan kelemperuan. Selari dengan kebangkitan umat Islam global yang rata-rata sedang berada di bawah genggaman penjajah, terutama di rantau Timur Tengah yang menjadi pusat kebangkitan semula umat Islam, kehadiran tokoh dari sana amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, misi ini bukanlah suatu yang mudah. Pelbagai cabaran perlu dihadapi dan pelbagai rintangan terpaksa diharungi, sama ada dari luar mahupun dalam, dalam usaha untuk merealisasikan cita-cita murni ini. Dari penelitian terhadap pendekatan yang dibawa oleh tokoh ini, serta tindak balas yang diterima dari pendekatan baharu yang dibawanya, didapati banyak persamaan dengan sejarah perjuangan tokoh besar pelopor kebangkitan para ilmuwan dan aktivis Islam era moden, iaitu al-Imam Muhammad ‘Abduh. Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara perbandingan pendekatan yang diambil oleh kedua-dua tokoh dalam usaha untuk membangkit dan memajukan masyarakat Islam di tempat masing-masing, serta tindak balas yang diterima terhadap pendekatan ini dan sejauh mana pula kecekalan dan kebijaksanaan mereka dalam menangani rintangan dan cabaran ini demi kesinambungan sebuah perjuangan. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang berlandaskan pengumpulan data dari pelbagai sumber; seterusnya analisis dilakukan bagi menjawab persoalan berkaitan, mengikut kerangka kajian yang ditentukan. Dapatan penting kajian ini ialah wujud persamaan antara pendekatan, tindak balas serta respon balas mereka berdua terhadap tindak balas yang diterima itu, yang akhirnya telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap keberhasilan serta kesinambungan perjuangan mereka di era berikutnya.

Kata kunci: ‘Abd Allah al-Ghadamsi; Muhammad ‘Abduh; pembaharuan; Islam di Tanah Melayu

ABSTRACT

Al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghadamsi is one of the figures who were contributing a lot in the history of the rise of Muslim community in Malaya. His presence in Malaya was on the request of figures and local Islamic activists to lead the mission to progress Islamic society in this region and release them from ignorance, retrogression and weakness. In parallel with the rise of global Muslim societies who commonly were under the colonial control especially in Middle East, which considered as the centre of the rise of Islam, the leaders' presence from there was cordially welcomed. Nevertheless, this mission was not an easy duty. So as to realise this noble dream, there were so many challenges and obstacles from external and internal parties had been faced. Through the study on the approach brought by this scholar and the response from his contemporary style, it seems like the history of struggle of a scholars' emergence and modern Islamic activist pioneering figure named al-Imam Muhammad ‘Abduh, in several ways. Comparatively, this study aims the approach applied by these two scholars to develop the Muslim community in their places, its reaction which was received because of that approach, and the method used to overcome the challenges based on their wisdom and grit for the sake of the struggle continuity. This qualitative research is formed by data collection from various sources and analysed to respond related issues following the framework has been decided. The findings of this important research are the similarities in approaches and responses which leave the deep impact into the continuity their legacy to the next age.

Keywords: ‘Abd Allah al-Ghadamsi; Muhammad ‘Abduh; reformation; Islam in Malaya

PENGENALAN

Dalam sejarah kebangkitan pemikiran dan gerakan pembangunan masyarakat Islam di Malaysia, al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghadamsi (seterusnya al-Ghadamsi) merupakan satu daripada nama besar yang menyumbang kepada kebangkitan sebuah generasi dan aliran baharu dalam pengurusan hal-ehwal Islam. Beliau bersama beberapa tokoh lain bertanggungjawab untuk membentuk asas pemikiran dan pendekatan dakwah dalam aliran ini. Sesuai dengan cabaran dan perkembangan semasa umat Islam, al-Ghadamsi telah mengambil beberapa pendekatan penting sebagai satu usaha untuk menyuburkan semula roh Islam dalam jiwa masyarakat Islam, seterusnya meniupkan semangat dalam jiwa setiap individu muslim untuk bangkit keluar dari belenggu kemiskinan, kejahilan, kemunduran dan penjajahan. Antara pendekatan penting dalam usaha pembangunan masyarakat beliau ialah membawa pembaharuan dalam sistem pendidikan Islam, menggunakan media sebagai antara medium dakwah, memerangi amalan bidaah dan khurafat yang berakar umbi dalam kehidupan beragama masyarakat.

Sekiranya ditinjau dari aspek perkembangan pemikiran dan gerakan kebangkitan ummah semasa zamannya di peringkat global, didapati pendekatan yang dibawa oleh al-Ghadamsi banyak persamaannya dengan aliran baru pemikiran dan gerakan kebangkitan umat Islam yang sedang berkembang pesat ketika itu. Gerakan ini dipelopori oleh al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan dikembangkan secara meluas oleh muridnya, al-Imam Muhammad ‘Abduh (seterusnya ‘Abduh). Justeru, kajian ini merupakan satu usaha untuk membuat sedikit perbandingan antara pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua tokoh ini, al-Ghadamsi dan ‘Abduh dalam usaha murni mereka untuk mengeluarkan umat Islam dari belenggu kemiskinan, kejahilan, kemunduran dan penjajahan.

LATAR BELAKANG AL-GHADAMSI

Al-Shaykh al-Qadi Abu Jabir ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn Ibrahim ibn Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad al-Qayrawani al-Balawi al-Ghadamsi al-Maghribi dilahirkan di Ghadamas, Libya pada tahun 1310H/1892 (al-Gharyani 2007). Dalam sejarah perkembangan pemikiran umat Islam di Tanah Melayu, al-Ghadamsi terkenal sebagai seorang daripada tokoh yang bertanggungjawab

membawa paradigma baru dalam usaha membangun dan memajukan masyarakat. Cabaran serta situasi semasa masyarakat Islam di Tanah Melayu ketika itu menuntut para aktivis Islam untuk mengambil pengalaman tokoh ilmuwan di peringkat global.

Sehubungan itu, al-Ghadamsi telah terpilih dan menerima jemputan pentadbiran Madrasah al-Mashoor yang ditubuhkan oleh sekumpulan ulama dan aktivis Islam di Pulau Pinang pada tahun 1916 (Ahmad 1980), untuk memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan sebagai seorang guru dan pentadbir. Beliau tiba di Tanah Melayu pada tahun 1918 melalui Singapura dan terus bertolak ke Pulau Pinang menuju ke Madrasah al-Mashoor (al-Gharyani 2007). Setelah beberapa ketika berkhidmat sebagai antara tenaga pengajar dan penggerak utama madrasah, beliau dilantik sebagai mudir madrasah untuk tempoh 1918-1920 (<http://sch.el.net.my/smaml/>).

Selepas dua tahun berkhidmat di Madrasah al-Mashoor, beliau dijemput oleh rakan-rakan ulamanya di Perak untuk menyumbang bakti di Madrasah al-Idrisiyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar (al-Gharyani 2007). Beliau seterusnya dilantik menjadi mudir madrasah untuk tempoh 1928-1932 (Nidzamuddin & Syed Ahmad Tarmizi 2007) berdasarkan pengalaman luas serta pengetahuan tingginya (al-Gharyani 2007). Sepanjang perkhidmatannya di madrasah ini, beliau berusaha untuk memajukan sistem pendidikan dan memperbaharui kurikulum pengajian yang diikuti oleh para pelajar. Walau bagaimanapun, usaha beliau ini telah mengundang rasa tidak senang para guru dan ilmuwan yang cenderung untuk mempertahankan sistem sedia ada lantas menolak pembaharuan yang cuba diterapkan. Hal ini membawa kepada berlakunya persaingan antara dua aliran sehingga membawa kepada campur tangan sultan yang berpihak kepada golongan kedua. Dengan kuasa sultan, al-Ghadamsi akhirnya diperintahkan supaya meninggalkan Perak dalam tempoh 24 jam (al-Gharyani 2007).

Al-Ghadamsi meninggalkan Perak dan kembali ke Pulau Pinang untuk meneruskan perjuangannya dalam pendidikan dan dakwah. Di sini, beliau terlibat dalam menghidupkan semula sebuah sekolah, iaitu Madrasah al-Amirah Maria (Sekolah Tengku Maria), yang telah ditutup sejak sekian lama sehingga berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berjaya. Seterusnya, beliau berjaya menubuhkan sebuah sekolah agama untuk pelajar lelaki dan perempuan mengikut sistem pendidikan Islam moden yang lengkap dengan asrama. Sekolah ini

diberi nama sebagai Madrasah al-Huda al-Diniyyah. Usaha beliau di sini telah mendapat sokongan yang kuat dari penduduk setempat. Hasilnya, segala usaha dan idea pembaharuan beliau dapat disalurkan melalui pengajaran dan pentadbiran, bukan sahaja kepada para pelajar bahkan juga kepada masyarakat setempat (al-Gharyani 2007).

Selain dari bidang pendidikan, al-Ghadamsi turut terlibat dalam arena politik, kebajikan sosial dan penyiaran tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 1919 misalnya, beliau telah menubuhkan sebuah pertubuhan yang menyokong al-Sharif Husayn sebagai khalifah. Pada tahun 1934, beliau bersama beberapa aktivis media lain menubuhkan sebuah jaringan penulis Melayu yang dikenali sebagai 'Sahabat Pena' dan dilantik sebagai penasihat dan pelbagai aktiviti lain sehingga menimbulkan rasa tidak senang pihak penjajah (al-Gharyani 2007). Al-Ghadamsi akhirnya meninggalkan Tanah Melayu pada tahun 1946 untuk kembali ke Makkah dan meneruskan perjuangan beliau sebagai seorang tokoh pendidik, pentadbir dan ilmuwan Islam yang berjasa di luar tanah tumpah darahnya. Beliau akhirnya meninggal dunia di Makkah pada 7 Ramadan 1395H bersamaan 12 September 1975, setelah menyumbangkan khidmat baktinya tanpa mengenal erti jemu dan penat (al-Gharyani 2007).

PENDEKATAN BAHARU AL-GHADAMSI DALAM MEMAJUKAN MASYARAKAT ISLAM

Berasaskan pengamatan terhadap latar belakang usaha dan sumbangan beliau sepanjang berada di Tanah Melayu, didapati beberapa aspek pembaharuan telah diterapkan oleh al-Ghadamsi dalam pendekatan yang diambil bagi mendidik dan memajukan umat Islam di rantau ini. Bagi meringkaskan perbincangan, tumpuan akan diberikan kepada tiga aspek penting yang dapat dilihat secara jelas dalam sejarah kebaktian beliau di Tanah Melayu, iaitu: aspek pendidikan, media dan penyiaran serta pembantersan amalan bidaah dan khurafat yang tersebar dengan meluas dalam kehidupan beragama masyarakat dewasa itu.

ASPEK PENDIDIKAN

Pendidikan ialah aspek paling penting dalam sumbangan al-Ghadamsi terhadap perkembangan dan kemajuan Islam di Tanah Melayu. Sepanjang keberadaannya di Tanah Melayu, beliau bukan sahaja terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan sebagai seorang pendidik, bahkan turut

memikul tanggungjawab pengurusan sebagai mudir atau pengetua, bahkan pengasas kepada beberapa institusi pendidikan yang terbukti amat berjasa dalam melahirkan tokoh-tokoh terbilang negara (Adnan 2007).

Pelbagai bentuk pembaharuan telah dibawa oleh al-Ghadamsi bersama tokoh-tokoh ilmuwan lain yang sealiran dengan perjuangan beliau dalam memajukan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Antaranya ialah seperti mengemaskan sistem pendidikan sekolah agama dengan meningkatkan kecekapan tadbir urus, melengkapkan keperluan prasarana, memelihara kebajikan pelajar dan membina hubungan dengan institusi pendidikan Islam terkemuka di luar negara. Bagi menjamin sistem tadbir urus pendidikan berjalan dengan cekap dan efisien misalnya, sumber-sumber menyebut bahawa sewaktu berkhidmat sebagai mudir Madrasah al-Mashoor, beliau menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat pentadbiran yang bertanggungjawab memantau perjalanan pengajaran dan pembelajaran serta hubungan guru dan pelajar (Adibah & Ezad Azraai 2007). Sumber-sumber juga menyebut bahawa dengan peningkatan kecekapan tadbir urus kewangan yang beliau perkenalkan, pihak pengurusan berjaya menyelamatkan Madrasah al-Mashoor dari ditutup kerana masalah kewangan (*Warta Negara* 1947). Di bawah pentadbiran beliau juga prasarana sekolah al-Mashoor telah dipertingkatkan dan dilengkapi dengan kemudahan yang lebih selesa sesuai dengan keperluan pelajar, guru dan kakitangan yang semakin bertambah. Atas kesedaran perlunya penempatan yang selamat dan kemudahan yang selesa bagi menjamin pencapaian akademik yang lebih cemerlang, beliau berusaha dan berjaya mendapatkan sumbangan para dermawan untuk membina bangunan baru di sebuah kawasan baru pada tahun 1920 (Adnan 2007).

Sepanjang perkhidmatannya dalam sektor pendidikan, al-Ghadamsi berusaha membawa pembaharuan dalam kurikulum pendidikan di sekolah-sekolah agama. Antara pembaharuan yang dibawa ialah menyusun semula mata pelajaran yang diajar dengan menambah komponen pengajian Islam secara lebih meluas seperti tafsir al-Quran, hadis, faraid, Bahasa Arab komunikasi, sejarah Islam dan sastera Arab. Selain ilmu keagamaan, ilmu-ilmu semasa seperti ilmu kemasyarakatan, ilmu hisab dan sains kesihatan turut diintegrasikan dalam kurikulum pengajian (Adnan 2007). Beliau turut memperkenalkan aktiviti ko-kurikulum buat julung kalinya kepada para pelajar bagi meningkatkan kecergasan, kreativiti serta daya saing mereka.

Antara aktiviti ko-kurikulum yang diterapkan dalam kurikulum pengajian di bawah seliaan beliau ialah bola sepak, sepak takraw dan latihan ketenteraan (Nidzamuddin & Syed Ahmad Tarmizi 2007). Bagi menjamin aktiviti ko-kurikulum berjalan seperti yang dirancang, beliau sendiri akan turun padang setiap kali selesai menunaikan solat Asar, agar tiada pelajar yang mengambil peluang melakukan aktiviti lain (al-Gharyani 2007).

Dari sudut aliran pemikiran mazhab, al-Ghadamsi membawa satu pendekatan baru kepada para pelajar dan masyarakat Islam di Tanah Melayu umumnya. Beliau berusaha untuk mengajak para pelajar dan ahli ilmu supaya menilai sesuatu permasalahan agama berdasarkan kekuatan dalil dan hujah, serta tidak terikat sepenuhnya dengan satu mazhab tertentu. Beliau menyeru supaya setiap amalan dan pegangan keagamaan hendaklah bersandarkan sandaran nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau turut mengemukakan pandangan para ulama *mujaddid* Islam tentang keperluan ijtihad dan penelitian semula permasalahan agama dari sudut keperluan dan kondisi semasa umat Islam. Sebagai contoh, semasa memimpin arus perkembangan pesat Madrasah al-Idrisiyyah di Perak, beliau telah menjadikan kitab *Subul al-Salam* karya al-San'ani dan *Nayl al-Awtar* karya al-Shawkani yang membincangkan hukum-hakam agama berdasarkan perbandingan dalil daripada hadis, sebagai hadiah galakan kepada pelajar cemerlang (Mohd Sarim 2007). Hal ini telah menimbulkan perselisihan yang besar antara beliau dengan para ilmuwan daripada aliran bertentangan sehingga membawa kepada penyingkiran beliau seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Bagi menjamin masa depan pelajar yang lebih cemerlang dalam bidang akademik dan kerjaya, beliau berusaha keras untuk membina hubungan institusi pendidikan agama di Tanah Melayu, terutama Madrasah al-Mashoor, Madrasah al-Idrisiyyah dan Madrasah al-Huda al-Diniyyah, dengan institusi pendidikan tersohor di luar negara, termasuk al-Azhar al-Sharif bagi memberi ruang kepada para pelajar Tanah Melayu melanjutkan pengajian di institusi-institusi berkenaan (Mohd Sarim 2007). Pada tahun 1919, beliau berjaya mengutuskan rombongan pertama pelajarannya untuk melanjutkan pengajian di Mesir. Pada tahun 1923, rombongan kedua berlepas ke Mesir untuk meneruskan pengajian di sana. Pada tahun 1924 pula, beliau berjaya mengutuskan lima pelajar ke Makkah untuk melanjutkan pengajian di sana. Manakala pada tahun 1940, serombongan pelajar beliau berlepas

ke Iraq untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi pendidikan di sana di bawah biayaan biasiswa Raja Iraq. Pada tahun 1941 pula, beliau berjaya menghantar pelajar-pelajarnya melanjutkan pengajian di al-Azhar *al-Sharif* dengan biasiswa Raja Farooq I sendiri (al-Gharyani 2007).

MEDIA DAN PENYIARAN

Selain ketokohnya dalam bidang pendidikan, al-Ghadamsi turut terkenal dalam bidang penulisan dan penyiaran. Beliau bersama Syed Alwi al-Hadi anak kepada Syed Sheikh al-Hadi telah menubuhkan sebuah pertubuhan yang menghimpunkan para penulis Tanah Melayu yang diberi nama 'Sahabat Pena' pada tahun 1934. Pertubuhan ini menjadi medan untuk mereka berinteraksi dan mengatur pelbagai aktiviti dalam membangkitkan kesedaran keagamaan dan nasionalisme masyarakat. Antara yang paling penting ialah penerbitan sebuah majalah yang terkenal dalam sejarah penerbitan dan penyiaran di Tanah Melayu, iaitu majalah *Saudara* (Mohd Sarim 2007). Melalui majalah ini, al-Ghadamsi menyebarkan idea pembaharuan dan seruan dakwahnya agar masyarakat Islam bangkit membebaskan diri mereka daripada belenggu kemunduran, kejahilan dan penjajahan. Artikel-artikel beliau yang membangkitkan semangat para aktivis dan masyarakat Islam di Tanah Melayu disiarkan menerusi majalah ini. Antaranya ialah artikel menyeru umat Islam bangkit menentang gerakan Kristianisasi terhadap masyarakat orang asli Sakai pada tahun 1933, seruan supaya masyarakat Islam Tanah Melayu memberikan sumbangan kepada saudara mereka yang ditimpa bencana kebuluran pada tahun 1935 (al-Gharyani 2007), dan seruan supaya masyarakat Islam sedar tentang penguasaan bangsa asing terhadap ekonomi dan sumber kekayaan negara (Mohd Sarim 2007).

AMALAN BIDA'AH DAN KHURAFAT

Al-Ghadamsi tiba di Tanah Melayu dalam suasana masyarakat Islamnya masih kuat berpegang kepada kepercayaan karut serta khurafat dan masih kuat mempertahankan amalan bida'ah yang diwarisi sejak turun temurun. Beliau secara berterusan sama ada melalui pengajaran mahupun penulisan menyeru kepada pembasmian kepercayaan khurafat dan amalan bida'ah. Di sekitar daerah tempat beliau berada, beliau berjaya menghentikan perkara-perkara tersebut yang telah menjadi budaya dalam pelbagai perayaan seperti upacara menyambut bulan Safar dan

ritual tertentu sempena hari kebesaran Islam dengan menjadikan majlis ceramah kesedaran dan tazkirah sebagai ganti (al-Gharyani 2007).

Lebih menakjubkan lagi ialah kejayaan beliau mengembalikan sebuah kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai ‘Kumpulan Matahari’ ke pangkal jalan. Kumpulan ini berpegang kepada kepercayaan mengenai *tanasukh al-arwah* dan berpegang kepada seruan ketua mereka yang mendakwa bahawa ruh Nabi Muhammad SAW berada dalam dirinya supaya mereka menyerahkan harta dan anak isteri kepadanya. Walau bagaimanapun, setelah melalui sesi perdebatan yang panjang, kumpulan ini akhirnya mengisytiharkan taubat pada tahun 1922 dan membakar semua kitab dan buku yang menjadi rujukan mereka di hadapan Masjid Jelutong. Selain itu, sebuah lagi kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai ‘Kumpulan Lebai Senin’ yang menolak kewujudan Tuhan dan berkata, “sekiranya Allah SWT wujud, silakan tunjuk kepada kami supaya kami dapat lihat”, turut mengisytiharkan taubat mereka di hadapan al-Ghadamsi (al-Gharyani 2007).

Di samping itu, al-Ghadamsi turut menyeru para ilmuwan Islam supaya tidak berterusan bertelingkah mengenai perkara-perkara *khilafiyah* sehingga menimbulkan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Sebaliknya mereka diseru supaya bertolak ansur dan memberikan tumpuan kepada isu-isu yang lebih penting dan mendesak seperti gejala sosial para remaja yang menghabiskan masa dengan melepak di warung kopi dan tempat awam serta meninggalkan solat. Seruan-seruan seperti ini banyak dikemukakan oleh al-Ghadamsi melalui artikel beliau dalam majalah *Saudara* (al-Gharyani 2007).

LATAR BELAKANG ‘ABDUH

Nama penuh beliau ialah Muhammad ibn ‘Abduh ibn Hasan Khayr Allah. Dilahirkan pada akhir tahun 1265H/1849M di sebuah perkampungan bernama Shatra’, Markaz Sintah, daerah al-Gharbiyyah, Mesir (Adnan 2007). Beliau ialah seorang daripada tokoh pencetus pembaharuan yang terkenal dalam perkembangan pemikiran dan peradaban Islam pada awal abad ke-20M. Beliau bukan saja terkenal sebagai seorang tokoh dalam pentafsiran al-Qur’an yang berjaya membawa anjakan baru kepada ilmu ini (al-Khalidi 1997), bahkan turut terkenal dengan idea-idea yang kritis dalam mengembalikan kewibawaan umat Islam sebagai satu kekuatan yang mempelopori arus perdana pembangunan dunia.

Islah atau *tajdid* yang membawa maksud pembaharuan merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan ‘Abduh. Menurut al-Shaykh Mustafa ‘Abd al-Raziq dalam sebuah daripada penulisannya tentang ‘Abduh menyatakan bahawa usaha pembaharuan ‘Abduh bermula semenjak beliau masih lagi bergelar penuntut di al-Azhar, apabila beliau mula bergiat aktif dalam menghasilkan beberapa siri makalah yang mengandungi asas-asas pembaharuan yang menjadi landasan perjuangan sepanjang hidupnya. Makalah-makalah yang disiarkan dalam akhbar mingguan *al-Ahram* sepanjang keluarannya pada tahun 1293H/1876M ini telah menarik perhatian masyarakat, terutama dalam kalangan para ulama dan cendekiawan Islam ketika itu, terhadap kebijaksanaan dan keberanian seorang mahasiswa yang baru menjangkau usia 27 tahun, setanding dengan para *mujaddid* tersohor (‘Abduh t.th.).

Setiap pengkaji yang menyelidik tentang perkembangan peradaban umat Islam umumnya, atau di Mesir khususnya antara kurun ke-13H/19M hingga 14H/20M, sama ada dari sudut politik, sosial, agama, pendidikan mahupun pemikiran, tidak dapat mengenyepikan sumbangan dan peranan ‘Abduh dalam membawa pembaharuan kepada umat pada zamannya dalam aspek yang berkaitan dengan bidang-bidang tersebut (Mustafa 1971; Haddad 1998; Zaydan t.th.; Adams 1947). Rata-rata mereka mengakui bahawa beliau ialah antara tokoh *mujaddid* agung Islam dalam semua bidang yang disebutkan di atas, sepanjang sejarah umat Islam dan antara tokoh *mujaddid* paling terkemuka pada zaman moden ini (Isma‘il 1974; ‘Imarah 1988). Pengaruh dan kesan usaha dan pemikirannya tidak terhad kepada masyarakat Arab dan Mesir semata-mata, bahkan melampaui umat Islam di seluruh dunia (Harun 1975). Hasil karya peninggalannya dianggap sebagai sebuah ensiklopedia pemikiran pembaharuan untuk Islam dan umatnya pada zaman moden ini (‘Imarah 1988).

PENDEKATAN BAHARU ‘ABDUH DALAM MEMAJUKAN MASYARAKAT ISLAM

‘Abduh terkenal sebagai tokoh pembaharuan dalam pelbagai aspek dengan pelbagai pendekatan sesuai dengan keperluan serta kondisi setiap bidang dan persekitaran masyarakat yang memerlukan pembaharuan. Jika dilihat dalam sejarah perjuangannya yang panjang, boleh dikatakan setiap bidang yang diceburinya akan menerima sentuhan pembaharuan

daripadanya. Walau bagaimanapun, penulisan ini hanya memberi fokus kepada tiga aspek di atas sebagai perbandingan terhadap apa yang telah disumbangkan oleh al-Ghadamsi di Tanah Melayu.

ASPEK PENDIDIKAN

Pendidikan ialah bidang utama yang menjadi tumpuan ‘Abduh sepanjang hayatnya, malah ketika kembali ke Mesir dari buangan dan ketika dijauhkan dari sektor pendidikan, beliau berusaha merayu kepada pihak-pihak berkenaan supaya beliau dikekalkan sebagai guru. Namun, bagi mengelakkan ‘Abduh daripada terus aktif menyampaikan idea pembaharuannya kepada masyarakat menerusi saluran pendidikan yang lebih terbuka, pihak kerajaan tetap dengan keputusan mereka melantik beliau sebagai hakim Mahkamah Kebangsaan di luar Kaherah (Rida 1931).

Sejarah perjuangan beliau dalam memperbaharui bidang pendidikan umat Islam mencatatkan ‘Abduh amat terkenal dengan usahanya memperbaiki dan memajukan mutu pendidikan bagi melahirkan generasi Islam yang berdaya maju. Sepanjang perjuangannya ini, beliau telah menulis dan menghantar tiga kertas cadangan kepada pihak-pihak yang terbabit secara langsung dalam sistem pendidikan sedia ada, untuk memberikan gambaran terperinci tentang keadaan pendidikan semasa serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi memajukan bidang ini. Kertas cadangannya yang pertama ialah berkenaan pembaharuan sistem dan kurikulum pendidikan di wilayah-wilayah ‘Uthmaniyyah secara umum. Ia telah dihantar kepada *Shaykh al-Islam* di Istanbul pada 26 Jamadil Akhir 1304H/1886M bersesuaian dengan arahan yang dikeluarkan oleh sultan kepada *Shaykh al-Islam* ketika itu supaya menilai dan menyusun semula sistem pendidikan dan hal-hal yang berkaitan dengannya dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah (Rida 1931). Kertas kedua ditulis pula selepas penghantaran kertas pertama dan dihantar kepada gabenor ‘Uthmaniyyah di Beirut berkenaan cadangan penyusunan semula pendidikan di wilayah Syria dan Lubnan, hasil daripada penglibatan langsung beliau dalam bidang pendidikan di sana serta pengamatan dan penyelidikan yang dilakukan (Rida 1931). Sementara itu, penghantaran kertas cadangan ketiga adalah untuk meyakinkan pihak bertanggungjawab di Mesir supaya berusaha membangun dan memajukan bidang pendidikan bagi menjamin keutuhan dan kemajuan negara dan surat ini ditulis setelah beliau kembali dari buangan di Syria (Rida 1931).

‘Abduh berkhidmat sebagai sebahagian daripada tenaga pengajar di al-Azhar sebaik selesai menamatkan pengajiannya (Rida 1931). Selain menyampaikan kuliah di al-Azhar, beliau turut mengadakan kelas pengajian untuk para mahasiswa di rumahnya (Adams 1947; Rida 1931). Pada tahun 1295H/1878M, beliau dilantik sebagai guru sejarah di Madrasah Dar al-‘Ulum, iaitu sebuah institusi pengajian yang ditubuhkan oleh kerajaan Mesir bagi melengkapkan kekurangan-kekurangan di al-Azhar bagi melahirkan para guru yang bakal ditempatkan di sekolah-sekolah seluruh Mesir. Beliau juga dilantik sebagai guru bahasa Arab di institut pengajian bahasa milik kerajaan bernama Madrasat al-‘Alsun al-Khadiyawiyyah. Semua jawatan ini dipikul serentak oleh ‘Abduh. Melalui pengajarannya, beliau berusaha membangkitkan kesedaran politik dan sosial pelajar-pelajarnya, memperbaiki penggunaan bahasa Arab mereka dan membebaskan mereka daripada kepompong kaedah pengajaran tradisional yang tidak lagi berkesan pada pandangannya (Rida 1931).

Dalam pengajarannya, ‘Abduh tidak mengikat dirinya dengan sesuatu mazhab atau aliran tertentu, sebaliknya beliau lebih cenderung membuka minda pelajar untuk membandingkan pendapat-pendapat serta hujah-hujah daripada pelbagai aliran ini. Seterusnya, beliau akan bersama-sama mereka untuk *mentarjihkan* pendapat yang lebih sesuai bersandarkan hujah yang kuat dan dalil yang sahih. Pendekatan ini telah beliau gunakan semenjak di alam pengajiannya lagi, apabila beliau mengadakan kelas-kelas perbincangan bersama rakan mahasiswa di al-Azhar (Rida 1931). Pendekatan ini turut beliau terapkan dalam penulisan serta pengeluaran fatwa. Beliau menyeru para fukaha supaya menubuhkan badan-badan khas untuk mereka berbincang dan memilih hukum-hukum yang sesuai dengan tuntutan semasa dan keadaan persekitaran bagi sesuatu masalah yang berbentuk ijtihad, dengan membuat rujukan kepada sumber-sumber muftabar dari semua mazhab. Seterusnya beliau mencadangkan mereka untuk memberikan penjelasan tentang latar belakang keadaan semasa dan tempat yang menyebabkan hukum itu dipilih, atau dengan kata lain, hukum tersebut boleh berubah mengikut suasana sesuatu masa dan tempat, bukannya sesuatu yang wajib diikuti oleh setiap muslim di semua tempat dan masa (Rida 1931).

Ketika dilantik sebagai wakil rasmi kerajaan dalam Majlis Pentadbiran al-Azhar yang baru ditubuhkan pada tahun 1312H/1894M (Rida 1931), ‘Abduh menggunakan sepenuhnya peluang ini untuk

merealisasikan hasratnya untuk membawa perubahan kepada al-Azhar sebagai jalan mengembalikan kekuatan umat Islam (Rida 1931). Beliau telah memberikan sepenuh tenaga dan perhatiannya dalam menggerakkan majlis ini untuk mengkaji dan memperkenalkan pelbagai sistem merangkumi bidang pentadbiran, akademik, kebajikan dan pembangunan, sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa (Rida 1931). Namun tidak semua usaha yang beliau lakukan berjaya mendatangkan hasil, kerana ramai yang tidak memberikan sokongan, malah menentang usaha-usaha yang dilakukan tersebut.

Kisah perjuangan al-Ghadamsi untuk membawa perubahan dan pembaharuan di Madrasah al-Idrisiyah amat mengingatkan kita kepada perjuangan 'Abduh ketika dijemput untuk berkhidmat di sebuah institusi pengajian di Beirut, Lubnan, iaitu al-Madrasah al-Sultaniyyah pada tahun 1303H/1885M. Beliau memperkenalkan satu kurikulum baru untuk pelajar-pelajar di sini, dengan menambah beberapa mata pelajaran baru seperti tauhid, mantik, *ma'ani, insha'*, sejarah Islam dan fiqh muamalat. Di samping itu, beliau juga banyak menyumbangkan idea dan pandangan kepada pihak pengetua dalam meningkatkan tahap pengurusan sekolah dan profesionalisme para gurunya. Kehadiran 'Abduh di sekolah ini telah membawa suasana ceria dan semangat bersaing, bukan sahaja dalam kalangan para pelajar, bahkan juga dalam kalangan para guru (Rida 1931). Namun, bibit-bibit kejayaan ini telah mengundang perasaan iri hati sesetengah pihak, seterusnya berusaha merosakkan segala kemajuan yang telah dibawa oleh 'Abduh kepada al-Madrasah al-Sultaniyyah sehingga mendorong 'Abduh meletakkan jawatan (Rida 1931).

MEDIA DAN PENYIARAN

Seperti yang telah dinyatakan, 'Abduh telah terlibat dengan dunia media dan penyiaran semenjak di alam pengajiannya lagi. Manakala di alam kerjaya pula, beliau dilantik sebagai seorang daripada pengarang akhbar rasmi kerajaan, *al-Waqa'i al-Misriyyah* pada tahun 1297H/1880M. Pelantikan ini merupakan antara langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan mutu penulisan akhbar berkenaan, agar mampu menarik minat masyarakat untuk mengikuti perkembangan tanah air mereka (Rida 1931; Adams 1947). Beliau kemudiannya dilantik sebagai ketua pengarang akhbar ini dan bertanggungjawab merangka sebuah undang-undang khusus berkaitan penerbitan dan percetakan yang

kemudiannya diluluskan oleh pihak kerajaan ketika itu (Rida 1931).

Ketika berada dalam buangan, iaitu pada tahun 1301H/1884M, beliau berangkat ke Paris atas pelawaan gurunya, Jamal-al-Din al-Afghani untuk bergabung tenaga dalam menerbitkan majalah *al-'Urwah al-Wuthqa* (Adams 1947). Akhbar ini diterbitkan buat pertama kalinya pada 5 Jamadil Awal 1301H/13 Mac 1884M bersama Jamal al-Din al Afghani sebagai pengarah eksekutif dan 'Abduh sebagai ketua pengarang (Rida 1931). Objektif utama akhbar ini boleh dirumuskan sebagaimana enam perkara berikut:

1. Memberi penjelasan kepada para penduduk di Timur tentang tanggungjawab yang telah mereka abaikan sehingga menyebabkan kejatuhan dan kelemahan mereka seterusnya memberikan garis panduan yang perlu diikuti untuk mengembalikan kekuatan mereka.
2. Menyuntik benih harapan dan membuang sifat putus asa dalam jiwa mereka.
3. Menyeru mereka supaya berpegang kepada prinsip-prinsip yang menjadi pegangan umat mereka yang terdahulu.
4. Menolak dakwaan yang dilemparkan ke atas umat Islam, kononnya kemajuan tidak akan diperoleh selagi mereka berpegang dengan agama mereka.
5. Menyalurkan kepada mereka berita-berita politik yang mempunyai hubungkait dengan mereka.
6. Memperkukuhkan hubungan dan perpaduan, memelihara kepentingan bersama antara bangsa dan menyokong dasar luar yang tidak menindas dan merampas hak-hak penduduk-penduduk timur (al-Afghani & 'Abduh 1970; Amin t.th.).

Akhbar ini disebarkan kepada para ulama, pemimpin dan aktivis di seluruh negara umat Islam secara percuma, bagi membolehkan maklumat yang terkandung di dalamnya ditatap oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira status mereka (Rida 1931). Kelantangan akhbar ini mengkritik dasar penjajahan Inggeris, terutama di Mesir dan Sudan, mendapat perhatian serius beberapa akhbar terkenal dan para pemimpin politik di Eropah memandangkan pengaruhnya yang semakin hebat sehingga ramai cendekiawan Islam meramalkan satu revolusi Islam akan tercetus dan satu perubahan besar akan berlaku di dunia Islam dalam jangka masa terdekat, sekiranya akhbar ini terus beroperasi (Rida 1931).

Walau bagaimanapun, setelah lapan bulan beroperasi dengan 18 keluaran, penerbitan majalah ini terpaksa dihentikan setelah kerajaan Inggeris

mengambil keputusan mengharamkan kemasukannya ke dua tanah jajahan mereka, iaitu India dan Mesir, yang menjadi sasaran utama penerbitnya (Rida 1931). Keluaran terakhirnya bertarikh 26 Zulhijjah 1301H/17 Oktober 1884M (Rida 1931; Amin t.th.). Perjuangan ‘Abduh seterusnya dalam bidang penyiaran diteruskan dengan usaha beliau menubuh dan memimpin sebuah pertubuhan bernama Jam‘iyyat Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah pada tahun 1318H/1800M. Pertubuhan ini berusaha untuk mengumpul dan menerbitkan kembali kitab-kitab penting karya tokoh ulama terkemuka zaman silam. Antara kejayaan yang sempat beliau hasilkan ialah menerbitkan sebuah kitab penting dalam usaha pembaharuan bahasa Arab, iaitu *al-Mukhassas* karangan Ibn Sidah berjumlah 17 jilid, di samping mengumpul manuskrip-manuskrip *al-Mudawwanah* oleh al-Imam Malik dari beberapa buah negara Arab untuk diterbitkan semula oleh pertubuhan tersebut (Rida 1931).

AMALAN BIDAHAH DAN KHURAFAT

Dalam aspek memerangi bidaah, ‘Imarah (1972) menganggap ‘Abduh sebagai seorang yang revolusioner dalam berhadapan dengan perkara-perkara bidaah dan khurafat yang berakar umbi dalam masyarakat Islam, sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam fatwa dan penulisannya. Antaranya ialah sebuah makalah hasil penulisannya ketika memimpin akhbar rasmi kerajaan *al-Waqa’i’ al-Misriyyah*, yang mengkritik dan membongkar perkara-perkara bidaah dan khurafat yang dilakukan oleh masyarakat di tempat-tempat awam yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian al-Awqaf (Agama) seperti masjid dan tempat suci umat Islam (‘Abduh 1972a).

Malah dalam tafsirnya, perkara ini turut mendapat perhatian serius beliau bagi memperbetulkan pegangan serta amalan masyarakat terhadap ajaran Islam. Antaranya, ketika menghuraikan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 206, yang mafhumnya:

Dan apabila dikatakan kepadanya: “Bertakwalah engkau kepada Allah”, timbullah kesombongannya dengan (meneruskan) dosa (yang dilakukannya itu). Oleh itu, padanlah ia (menerima balasan azab) neraka jahannam dan demi sesungguhnya, (neraka jahannam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal.

‘Abduh tidak teragak-agak untuk menegur para pemerintah zaman itu yang menurut pandangannya mengaku Islam dengan hanya menghadiri solat Jumaat dan Hari Raya di masjid-masjid, serta upacara bidaah, tetapi menganggap diri mereka

lebih bijak, lebih arif dan lebih sempurna daripada orang lain sehingga bukan sahaja menolak teguran para ulama, bahkan sanggup menamatkan riwayat mereka jika berterusan memberikan nasihat dan teguran (Abduh 1972b).

RUMUSAN PERBANDINGAN DALAM PENDEKATAN DAKWAH AL-GHADAMSI DAN ‘ABDUH

Berasaskan perbincangan di atas, banyak perkara dapat disimpulkan sebagai pengajaran serta panduan bagi para ilmuwan, dai dan aktivis Islam dalam menjana kemajuan masyarakat Islam dan menguatkan azam serta iltizam dalam menghadapi apa jua rintangan demi untuk memartabatkan Islam sebagai *dustur al-hayah*. Bagi memudahkan perbincangan, ulasan mengenai perbandingan usaha dakwah dan pembangunan masyarakat Islam yang disumbangkan oleh kedua-dua tokoh ini diteliti melalui tiga aspek yang menjadi fokus kajian seperti berikut.

ASPEK PENDIDIKAN

Kedua-dua tokoh ini merupakan pendidik yang telah mewakafkan kehidupan mereka untuk memperbaiki serta meningkatkan perjalanan sistem pendidikan masyarakat Islam sedia ada, agar dapat memainkan peranan sebagai pemangkin kemajuan ummah yang bakal membebaskan mereka daripada belenggu kejahilan, kemiskinan, kemunduran dan penjajahan. Jika dilihat pada perkembangan semasa masyarakat pada zaman kedua-dua tokoh ini, didapati kedua-dua mereka menghadapi senario yang hampir sama. Negara tempat mereka berbakti sedang dijajah, hasil kekayaan sumber negara dimonopoli oleh pihak penjajah serta bangsa asing yang berhijrah dan bertungkus lumus berusaha membina kekuatan dan penguasaan ekonomi. Masyarakat Islam pula leka dengan dunia mereka sendiri yang tertutup daripada arus perkembangan dan kemajuan dunia, para cendekiawan mereka pula saling bertelingkahan sesama sendiri dalam perkara-perkara remeh tanpa mempedulikan hal-ehwal masyarakat Islam yang telah jauh ketinggalan.

Kedua-dua tokoh ini bersependapat bahawa usaha membawa perubahan dan kemajuan dalam masyarakat perlu bermula dari asas pendidikan yang kukuh. Justeru, sistem pendidikan serta kurikulum pengajian di institusi pengajian, terutama pengajian Islam perlu diperbaharui bagi memenuhi

keperluan serta tuntutan semasa. Jika diperhatikan, kedua-dua mereka memberikan tumpuan kepada aspek pemantapan akademik pelajar dengan meluaskan pengajaran mata pelajaran Islam yang diajar, menjangkau ilmu-ilmu asas fardu ain atau maklumat umum mengenai Islam. Sebaliknya, mata pelajaran yang mengukuhkan lagi kefahaman serta pengahayatan mereka terhadap Islam, serta jati diri mereka sebagai seorang Muslim seperti tafsir, hadis, sejarah Islam, bahasa Arab, kesusasteraan Arab dan sistem ekonomi Islam diberi penekanan khusus. Selain perluasan pengajaran mata pelajaran Islam, mata pelajaran lain yang menjadi keperluan semasa generasi baru masyarakat Islam seperti ilmu hisab, bahasa Inggeris, ilmu kemasyarakatan (sosiologi) dan ilmu kesihatan turut diperkenalkan. Komponen ini dilengkapi lagi dengan aspek kemahiran dan ko-kurikulum. Para pelajar digalakkan pula untuk mengisi masa lapang mereka secara terancang dan tersusun dengan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti sukan dan kemahiran hidup.

Al-Ghadamsi dan 'Abduh juga memberikan perhatian khusus kepada aspek pengurusan, pembangunan serta kebajikan para pelajar, guru dan pentadbir di institusi pendidikan Islam. Kedua-dua mereka berusaha keras untuk menyumbang ke arah meningkatkan kecekapan tadbir urus sekolah, meningkatkan prasarana supaya para pelajar dapat belajar dengan selesa, begitu juga dengan para guru, pentadbir dan semua pihak yang terbabit dalam menguruskan perjalanan sebuah institusi pendidikan secara keseluruhan. Kedua-dua mereka turut berusaha menjaga kebajikan semua pihak yang terlibat supaya masing-masing dapat memberikan sumbangan yang terbaik dalam memajukan bangsa dan agama. Mereka berdua juga menunjukkan keperibadian sebagai seorang pendidik sejati kerana amat mengambil berat tentang perkembangan pelajar secara dekat dengan sentiasa menziarahi mereka di tempat penginapan dan mengikuti serta memantau aktiviti mereka di luar kelas.

Kedua-dua tokoh ini juga berpegang kepada konsep keterbukaan dan keluasan Islam apabila tidak lagi mengikat pelajar mereka dengan mazhab atau pegangan agama yang diwarisi semata-mata. Sebaliknya mereka melatih para pelajar supaya menilai hujah dan meneliti dalil agar hukum atau keputusan terbaik diambil sebagai pegangan. Ekoran daripada itu, kedua-dua mereka juga menghadapi suasana serta cabaran yang sama dalam usaha mereka membawa perubahan dan pembaharuan. Para ilmuwan yang berpegang kuat dengan budaya serta pemikiran lama tidak berdiam

diri terhadap segala perubahan yang dibawa. Rasa iri hati serta pandangan serong terhadap usaha yang dilakukan memaksa mereka menanggung pelbagai risiko, termasuk dibuang dan diberhentikan perkhidmatan.

MEDIA DAN PENYIARAN

Al-Ghadamsi dan 'Abduh telah menjadikan perkembangan media dan penyiaran sebagai saluran untuk mereka menyampaikan idea pembaharuan serta usaha memberikan kefahaman, membangkitkan kesedaran, memupuk semangat agar masyarakat bangun dari lena mereka dan bangkit berusaha memajukan diri. Kedua-dua mereka terlibat dalam mengasas dan menguruskan penerbitan majalah Islam yang memberi kesan yang besar dalam sejarah kebangkitan masyarakat Islam di persekitaran dan skop bidang usaha masing-masing. Mereka berdua terlibat secara aktif dalam menghasilkan penulisan yang berkesan dalam merealisasikan objektif penerbitan majalah masing-masing.

Selain menjadi saluran untuk menyampaikan mesej dakwah, dunia media dan penyiaran ini juga menjadi saluran kepada kedua-dua tokoh ini untuk membina jaringan dengan para aktivis lain bagi menggembelng tenaga ke arah menyatukan usaha dan memadukan tenaga. Paduan usaha dan tenaga ini dijalankan agar dapat menyelaraskan usaha pembangunan masyarakat serta membina kekuatan bersama dalam menghadapi pelbagai cabaran, sama ada dari dalam masyarakat Islam sendiri, iaitu aliran lama yang masih mempertahankan sistem dan amalan sedia ada sebagai sesuatu yang tidak boleh diubah. Di samping itu juga, pelbagai cabaran dari luar masyarakat Islam itu sendiri perlu dihadapi, iaitu pihak penjajajah dan golongan aktivis Kristian yang mengambil kesempatan daripada penjajahan untuk menyebarkan agama mereka kepada masyarakat setempat.

AMALAN BIDA'AH DAN KHURAFAT

Latar belakang yang mewarnai perjuangan kedua-dua tokoh ini tidak banyak perbezaannya, malah kebanyakan tokoh pembaharuan dalam sejarah perkembangan dakwah Islam secara keseluruhan adalah bersamaan dari aspek perjuangan dan pemikiran mereka. Keperluan kepada usaha pembaharuan muncul apabila masyarakat Islam mula hanyut dengan pelbagai amalan yang ditokok tambah menjadi sebahagian daripada ajaran agama dan pegangan serta kepercayaan yang diwarisi dan

dicampuradukkan dengan kemurnian pegangan akidah dan amalan Islam.

Al-Ghadamsi dan ‘Abduh turut bersama memberikan perhatian khusus kepada usaha membanteras amalan bidaah dan khurafat yang berakar umbi dalam masyarakat Islam. Tumpuan khusus kepada usaha ini penting kerana kepercayaan kepada amalan bidaah dan khurafat menjadi satu daripada penghalang besar kepada usaha memajukan masyarakat. Kedua-dua mereka berusaha secara berhemah dalam memberikan kesedaran terhadap hakikat sebenar amalan yang menjadi pegangan masyarakat sejak sekian lama dengan memberikan penjelasan bersandarkan dalil yang sahih dan hujah yang kukuh serta memberikan alternatif kepada amalan-amalan terbabit dengan amalan lain yang lebih berfaedah dan bertepatan dengan ruh Islam seperti mengadakan kuliah-kuliah agama, ceramah-ceramah kesedaran dan juga sesi penerangan atau muzakarah.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan kesedaran kepada para pengkaji bahawa cabaran dan suasana yang dihadapi oleh para ilmuwan, dai dan aktivis Islam di kebanyakan tempat dan masa adalah hampir sama. Usaha membangun dan memajukan masyarakat adalah perjuangan para Rasul yang sentiasa beriringan dengan pelbagai ujian, rintangan dan cabaran seperti yang dapat difahami daripada banyak ayat dalam al-Qur’an al-Karim. Justeru, sebagai penyambung perjuangan mereka ini, para ilmuwan, dai dan aktivis Islam perlu sentiasa bersedia dari semua sudut, sama ada fizikal, mental mahupun spiritual.

Penelitian terhadap sejarah perjuangan para tokoh yang berjasa dalam usaha membangun dan memajukan ummah adalah amat penting bagi membantu para ilmuwan, dai dan aktivis Islam untuk merancang, mengatur strategi serta melatih para kader serta agen perubahan, agar mampu menunaikan tanggungjawab mereka secara berkesan, konsisten dan penuh keikhlasan. Pengalaman para tokoh terdahulu serta hikmah dan kebijaksanaan mereka dalam berhadapan dengan kemelut, krisis dan kekangan dari segenap aspek mengajar masyarakat Islam dewasa ini agar menjadi lebih peka dan bersiap sedia serta tidak mudah selesa dengan pencapaian yang dimiliki dan diperoleh ketika ini.

Penulisan ini turut mendedahkan tentang kepentingan media sebagai satu daripada medium yang efektif dalam usaha membangkit serta

memajukan masyarakat. Justeru, para dai dan agen pembangunan masyarakat perlu dilatih secukupnya agar dapat memanfaatkan kemajuan teknologi media dan komunikasi, agar dapat melaksanakan visi dan misi mereka kepada kumpulan sasaran secara cepat dan tepat. Di samping itu juga, mereka dapat mematahkan propaganda terhadap Islam yang disebar secara meluas menerusi saluran media sejak sekian lama. Jaringan kerjasama dengan pelbagai institusi berkaitan serta tokoh pejuang lain, sama ada di peringkat setempat mahupun antarabangsa sangat penting dalam melancarkan usaha membangun dan memajukan masyarakat. Hubungan dengan pihak penguasa dan kerajaan yang mempunyai autoriti dalam pelbagai bidang juga perlu dipelihara dengan penuh kebijaksanaan supaya gerakan yang diusahakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Pengalaman al-Ghadamsi dan ‘Abduh ini membuktikan bahawa demi mencapai keberhasilan yang baik dalam projek pembangunan ummah, semua ilmuwan, dai dan aktivis Islam perlu bergerak secara holistik merangkumi segala aspek keperluan dengan melibatkan pelbagai pihak dan kerjasama ramai tokoh pada sesuatu era, di semua peringkat menggunakan pelbagai teknologi dan kemudahan sofistikated selari dengan perkembangan semasa. Kajian ini turut membuktikan secara realistik kebenaran firman Allah SWT mengenai sunnah para pencetus kebangkitan dan pelopor transformasi ummah, iaitu bahawasanya sebuah perjuangan itu tidak akan sunyi daripada pelbagai bentuk cabaran dan ujian yang hampir sama sejak zaman berzaman. Antara firman Allah SWT berkaitan hal ini ialah sebagaimana dalam surah al-Isra’, ayat 76-77, yang mafhumnya:

Dan sesungguhnya mereka hampir-hampir berjaya menggangumu daripada tinggal aman di bumi dengan tujuan mereka dapat mengusirmu dari negeri itu; dan jika berlaku demikian, maka mereka tidak akan tinggal di situ sesudahmu melainkan sedikit masa sahaja. (Demikianlah) peraturan (Kami yang tetap mengenai) orang yang telah Kami utuskan sebelummu daripada Rasul-rasul Kami; dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi peraturan Kami yang tetap itu.

RUJUKAN

- ‘Abduh, Muhammad. t.th. *Durus min al-Qur’an al-Karim*. t.tp.: Dar al-Hilal.
- ‘Abduh, Muhammad. 1972a. *Ibtal al-bida’ min nazarat al-awqaf al-‘umumiyyah*. Dlm. ‘Imarah, Muhammad (pnys.). *al-A‘mal al-Kamilah li al-Imam Muhammad ‘Abduh*. Bayrut: al-Mu’assasah al-‘Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nashr.

- 'Abduh, Muhammad. 1972b. Tafsir al-Qur'an. Dlm. 'Amārah, Muhammad (pnys.). 'Imarah, Muhammad (pnys.). *al-A'mal al-Kamilah li al-Imam Muhammad 'Abduh*. Bayrut: al-Mu'assasah al-'Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Adams, C.C. 1947. *Islam dan Dunia Moden di Mesir*. Terj. Ismail Djamil. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Adibah Sulaiman & Ezad Azraai Jamsari. 2007. Mawqif al-Shaykh 'Abd Allah al-Maghribi min ara' al-Sayyid al-Shaykh al-Hadi al-Islahiyah. *Buhuth al-Nadwah al-'Ilmiyyah hawl al-Shaykh al-'Allamah 'Abd Allah al-Ghadamsi al-Maghribi wa Dawruh fi Tatwir al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi Maliziya*, hlm. 53-66.
- Adnan Mohamed Yusoff & Zulhilmi Mohamed Nor. 2007. al-Shaykh 'Abd Allah al-Ghadamsi wa dawruh fi tatwir wa izdihar Madrasat al-Mashhur al-Islamiyyah. *Buhuth al-Nadwah al-'Ilmiyyah hawl al-Shaykh al-'Allamah 'Abd Allah al-Ghadamsi al-Maghribi wa Dawruh fi Tatwir al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi Maliziya*, hlm. 67-86.
- Adnan Mohamed Yusoff. 2007. Biografi al-Imam Muhammad 'Abduh. *Prosiding Simposium Sejarah Pemikiran Politik Islam II Muhammad 'Abduh dan Masyarakat Melayu*, hlm. 1-19.
- al-Afghani, Jamal al-Din & 'Abduh, Muhammad. 1389H/1970. *al-'Urwah al-Wuthqa*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ahmad Bajunid. 1980. *Sejarah Ringkas Madrasah Mashoor al-Islamiah (Lelaki dan Perempuan) Pulau Pinang*. t.tp.: t.pt.
- Amin, Ahmad. t.th. *Zu'ama' al-Islah fi al-'Asr al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Gharyani, 'Adil Muhammad 'Abd al-'Aziz. 2007. al-Shaykh al-'Allamah Abu Jabir 'Abd Allah ibn Ahmad al-Ghadamsi wa dawruh fi ithra' al-hayah al-diniyyah wa al-tarbawiyah fi bilad al-Malaya (1918-1945 Masihi). *Buhuth al-Nadwah al-'Ilmiyyah hawl al-Shaykh al-'Allamah 'Abd Allah al-Ghadamsi al-Maghribi wa Dawruh fi Tatwir al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi Maliziya*, hlm. 15-18.
- Haddad, Yvonne, 1419H/1998. Muhammad 'Abduh: Perintis pembaharuan Islam. Dlm. Rahnama, Ali (pnys.). *Para Perintis Zaman Baru Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Harun Nasution. 1975. *Pembaharuan dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- <http://sch.el.net.my/smaml/> [20 Mei 2007].
- 'Imarah, Muhammad (pnys.). 1408H/1988. *Muslimun Thuwwar*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- 'Imarah, Muhammad (pnys.). 1972. *al-A'mal al-Kamilah li al-Imam Muhammad 'Abduh*. Bayrut: al-Mu'assasah al-'Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Isma'il, 'Izz al-Din. 1974. *al-Imam Muhammad 'Abduh: Imam al-Tajdid wa al-Islah al-Dini*. Bayrut: Dar al-'Awdah.
- al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. 1418H/1997. *al-Tafsir al-Mawdu'i bayn al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- Mustafa, Ahmad 'Abd al-Rahim. 1971. *Harakat al-Tajdid al-Islami fi al-'Alam al-'Arabi al-Hadith*. t.tp.: Ma'had al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah.
- Mohd Sarim Mustajab. 2007. al-Shaykh 'Abd Allah al-Ghadamsi (al-Maghribi) wa dawruh fi tarsikh wa nashr fikrat al-Islah wa al-tarbiyah fi bilad al-Malaya wa Jazirat Binanj khassah qubayl al-Harb al-'Alamiyyah al-Thaniyah. *Buhuth al-Nadwah al-'Ilmiyyah hawl al-Shaykh al-'Allamah 'Abd Allah al-Ghadamsi al-Maghribi wa Dawruh fi Tatwir al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi Maliziya*, hlm. 113-126.
- Nidzamuddin Zakaria & Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar. 2007. al-Shaykh 'Abd Allah al-Ghadamsi (al-Maghribi) wa ishamatuh fi al-Madrasah al-Idrisiyyah bi wilayah Piraq. *Buhuth al-Nadwah al-'Ilmiyyah hawl al-Shaykh al-'Allamah 'Abd Allah al-Ghadamsi al-Maghribi wa Dawruh fi Tatwir al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi Maliziya*, hlm. 157-167.
- Rida, Muhammad Rashid. 1350H/1931. *Tarikh al-Ustadh al-Imam al-Shaykh Muhammad 'Abduh*. al-Qahirah: Matba'at al-Manar.
- Warta Negara*. 1947. Penang, Bil. 158, thn. 3, 7 Julai.
- Zaydan, Jurji. t.th. *Tarajim Mashahir al-Sharq fi al-Qarn al-Tasi' 'Ashar*. Bayrut: Dar Maktabat al-Hayah.
- al-Zirikli, Khayr al-Din ibn Mahmud. t.th. *al-'A'lam*. t.tp.: t.pt.
- Adnan Mohamed Yusoff
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai
Negeri Sembilan
MALAYSIA
adnan@usim.edu.my
- Noor Lizza Mohamed Said
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
lizza@ukm.edu.my
- Amiruddin Mohd. Sobali
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai
Negeri Sembilan
MALAYSIA
amiruddin@usim.edu.my

